

04 NOV 2000

PROGRAM BANTU MELAYU PERLU MENYELURUH, KATA NAJIB

PEKAN, 4 Nov (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak mencadangkan program yang lebih holistik, bersepadu dan menyeluruh bagi membantu orang Melayu mencapai kejayaan lebih tinggi dalam bidang ekonomi dan perniagaan.

Beliau berkata pencapaian itu hanya boleh menjadi kenyataan jika masyarakat Melayu mengubah budaya menjadi lebih positif, memasukkan nilai murni dan perlu mempunyai sikap dinamik dalam bidang berkenaan.

"Mengubah sesuatu bangsa memerlukan perubahan total, pembangunan insan...jika diri sendiri tidak ada kesedaran, kita tak mungkin berjaya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Umno Cawangan Taman Perdana di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata kaum Bumiputera masih ketinggalan dalam semua bidang ekonomi walaupun sudah banyak wang dibelanjakan untuk membantu mereka.

Najib, yang juga Naib Presiden Umno berkata ada juga yang menikmati kejayaan tetapi pencapaian itu tidak seperti yang diharapkan.

-- BERNAMA

SHS MAI